

PENYISIHAN SOSIAL DALAM REALITI DAN CABARAN WANITA BEKERJAYA

THE REALITY AND CHALLENGES OF SOCIAL EXCLUSION AMONG WORKING WOMEN

Suraini Saufi¹
Izzat Syazwan Mustafa Kamal²

¹Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International College University (KIAS),Malaysia, (suraini@kias.edu.my).

²Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International College University (KIAS),Malaysia, (izzat@kias.edu.my)

Article history

Received date : 11-9-2022
Revised date : 12-9-2022
Accepted date : 7-11-2022
Published date : 12-12-2022

To cite this document:

Saufi, S., & Mustafa Kamal, I. S. (2022). Penyisihan Sosial Dalam Realiti Dan Cabaran Wanita Bekerjaya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 12 - 19.

Abstrak: *Penyisihan sosial (PS) merupakan satu konsep yang global. Perspektif ekonomi mengaitkan PS sebagai penghalang kemajuan dan perkembangan dalam arus pertumbuhan ekonomi di mana kebanyakan unit ekonomi seperti isi rumah yang bekerja adalah turut terkesan. Wanita bekerja adalah di antara yang banyak menjadi mangsa PS. Artikel ini akan mengupas mengenai konsep PS dalam realiti dan cabaran wanita bekerjaya melalui sorotan literatur kajian-kajian yang lepas. Cabaran-cabaran yang ada dikaitkan dengan konsep PS. Hasil daripada sorotan kajian mendapati isu ini masih lagi berleluasa dan menjadi beban kepada fizikal dan emosi wanita. Sekiranya semua pihak mengambil berat tentang pemulihan ekonomi, maka isu ini juga perlu dipandang serius untuk diselesaikan. Kajian-kajian mengenai PS perlu diperbanyakkan lagi untuk mendapatkan satu perpektif yang lebih komprehensif dalam membantu wanita untuk terus kekal dalam kerjaya dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.*

Katakunci : *Penyisihan Sosial, Wanita Bekerjaya, Cabaran*

Abstract: *Social exclusion (PS) is a global concept. The economic perspective attributes the PS as a barrier to progress and development in the current of economic growth where most economic units such as working households are also affected. Working women are among the many victims of PS. This article will discuss the concept of PS in reality and the challenges of working women through the literature reviews of past studies. The challenges are associated with the concept of PS. The research highlights found that this issue is still prevalent and is a burden on women's physique and emotions. If all parties are concerned about the economic recovery, then this issue also needs to be taken seriously to be resolved. Studies on PS need to be further enhanced to obtain a more comprehensive perspective in helping women to stay in their careers and contribute to the country's economic growth.*

Keywords : *Social Exclusion, Working Women, Challenges*

Pendahuluan

Populasi penduduk di Malaysia menyaksikan hampir separuh penduduk di Malaysia adalah wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Pembangunan dunia pekerjaan juga menunjukkan peningkatan jumlah penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan. Merujuk kepada Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada April 2021, tenaga buruh wanita telah meningkat sebanyak 2.7 ribu orang kepada 6.23 juta orang pada Februari 2021 berbanding Januari 2021. Mereka memainkan peranan dan merupakan sumber ekonomi yang penting kepada negara. Kerajaan juga sentiasa menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Sejak dari dulu lagi, beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam aliran utama pembangunan negara. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976 bagi menterjemahkan pelan tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan negara. Pada tahun 1983 pula, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah ditubuhkan untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah kaum wanita. Kebajikan wanita Malaysia seterusnya diuruskan lagi oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam realitinya mereka masih lagi menghadapi banyak cabaran hidup samada dalam kerjaya dan juga kehidupan peribadi. Mereka masih lagi berdepan dengan tekanan di tempat kerja sebagaimana pekerja lelaki melalui tinjauan yang dibuat oleh LinkedIn Learning (2019). Faktor-faktor yang menyumbang kepada tekanan ini termasuklah PS. Justeru itu, artikel ini akan mengupas mengenai konsep PS dalam realiti dan cabaran wanita bekerjaya melalui sorotan literatur kajian-kajian yang lepas. Cabaran-cabaran yang ada pula dikaitkan dengan konsep PS.

Sorotan Literatur

Negara-negara maju seperti di Eropah memandang PS sebagai satu isu yang membimbangkan di kalangan mereka. Ismail et al.(2020) menyebut bahawa statistik dari Eurostat, 2014 menyatakan bahawa seramai 122.6 juta orang atau sebanyak 24.5% daripada penduduk di Kesatuan Eropah (UE) berisiko mengalami kemiskinan dan PS. Di Malaysia pula penggunaan istilah PS ini masih belum meluas. Konsep-konsep PS ada digunakan dalam dasar pembangunan ekonomi dengan menggunakan istilah-istilah lain yang membawa maksud yang sama seperti kerentanan, kemiskinan dan peminggiran ekonomi untuk menggambarkan golongan-golongan yang terkesan dengan PS. Bersetuju dengan pendapat Ismail et al. (2020), kajian mengenai PS telah mengalami perkembangan yang meluas khususnya di luar negara dan merentasi pelbagai disiplin ilmu. Ini disebabkan oleh umum dan luasnya konsep pada PS itu sendiri. Walaubagaimanapun, kajian tentang konsep PS menurut disiplin ekonomi di Malaysia masih jauh ketinggalan dan kurang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik. Keputusan carian di Google dan google Scholar dari tahun 2018 memaparkan 4,420 dapatan dan tidak sampai 10 peratus mengaitkan PS dari sudut ekonomi. Pengkalan data 'Web of Sciences' (WOS) pula memaparkan 314 artikel PS yang berkaitan dengan ekonomi, pengurusan perniagaan dan kewangan. Jumlah ini bukanlah satu angka yang membanggakan. Dari sudut penyelidikan yang bermutu tinggi seperti terbitan di Scopus pula, hanya dua artikel pada tahun 2021 mendapat tempat. Semua ini membuktikan perlu ada motivasi dan kesungguhan lagi dari pelbagai pihak untuk meneroka konsep PS.

Artikel ini pula cuba untuk mengaitkan PS dengan realiti dan cabaran wanita bekerjaya. Tidak dinafikan bahawa kaum wanita yang bekerja atau bekerjaya mempunyai cabaran dan konflik tersendiri dalam mencari keseimbangan kerja dan kehidupan (Zakaria, 2020). Keadaan akan

menjadi lebih teruk apabila mereka terpaksa pula berhadapan dengan cabaran sosial hidup seperti PS. Teori Sigma yang telah diperkenalkan oleh Figueroa (2015) menyatakan bahawa PS mempunyai kaitan dengan ketidakupayaan golongan miskin dan tertindas untuk terlibat secara lebih berkesan dalam kehidupan ekonomi, budaya dan politik termasuk wanita bekerja. Beberapa penulisan terkini mengenai cabaran wanita bekerja pernah dibuat oleh penulis-penulis seperti Musthapar (2021). Penulisan beliau membincangkan tentang peranan wanita yang juga pengurus rumah tangga yang merangkumi pengurusan pendidikan anak-anak, pengurusan kewangan, emosi dan mental serta kesihatan. Walaubagaimanapun, perbincangan dan penulisan beliau adalah berkisar semasa tempoh pandemic Covid-19 di mana situasi bukan pandemik mungkin berbeza.

Penyisihan Sosial (PS)

Konsep PS atau *Social Exclusion* menekankan kepada istilah ‘tersisih’ yang telah menular dengan rancak di dalam bidang pengajian dasar sosial di negara-negara maju. Seorang penyelidik awal di Malaysia berkaitan PS iaitu Siti Hajar (2009) menyatakan istilah ‘penyisihan sosial’ adalah digunakan untuk merujuk kepada sekumpulan faktor risiko dan serangkaian proses ekonomi dan sosial yang menekan dan menghalang keupayaan individu dan/atau sekumpulan anggota masyarakat daripada menjalankan fungsi dan peranan sosial mereka dengan lancar. Serangkaian keadaan dan proses sosial dan ekonomi yang bersifat destruktif ini menyebabkan individu dan/atau sekumpulan anggota masyarakat yang hidup dalam keadaan sosial tersebut ditolak ke arah atau satu paras kehidupan yang memudaratkan. Proses ‘ditolak ke satu arah’ ini mempunyai kaitan rapat dengan perkataan ‘*marginalized*’ daripada kata dasarnya adalah ‘*margin*’ yang membawa makna ‘satu paras garisan’. Disebabkan itulah kebanyakan pengkaji isu ini seperti Littlewood (1999), Percy-Smith (2000), Pierson (2001) dan ramai lagi menggunakan PS dalam perbincangan mereka mengenai komuniti tersisih di negara-negara Eropah sebagai:

“...certain groups on the margins of society who were cut off from regular resources of employment and the income safety nets of the welfare state as well as powerful institution, such as trade unions, that might have given them a voice.”

Salah satu contoh ialah seperti apabila ketiadaan asas pendidikan dan kemahiran hidup yang baik akan menyukarkan individu untuk mendapat pekerjaan atau bersaing dalam dunia pekerjaan yang berasaskan merit pendidikan. Kegagalan mereka untuk bersaing dalam pasaran buruh ini pula akan menyebabkan mereka tidak layak menyertai sebarang bentuk persatuan atau kesatuan sekerja. Secara tidak langsung mereka ini tidak akan dilindungi oleh sebarang bentuk skim perlindungan sosial. Ini adalah kerana kebanyakan negara mengintegrasikan hampir semua program perlindungan sosial mereka ke dalam pekerjaan individu atau manfaat serta kebajikan di tempat kerja. Keadaan ini seterusnya akan meletakkan seseorang itu terus berada dalam kemiskinan dan kesukaran. Penyisihan sosial juga boleh dilihat sebagai satu tindakan sosial terancang bagi mendiskriminasi atau menafikan hak segelintir anggota komuniti yang tidak diendahkan kebajikan dan pandangan serta suara mereka .

Tindakan terancang ini biasanya dilakukan oleh sekumpulan anggota masyarakat yang mempunyai kuasa politik, kuasa ekonomi dan status sosial yang istimewa untuk mengeluarkan, mengabaikan atau menafikan hak sekumpulan anggota masyarakat daripada sama-sama menikmati pembangunan yang berlaku.

Wanita Bekerjaya

Wanita bekerjaya atau wanita bekerja dalam Kamus Dewan, mendefinisikan wanita dari segi bahasa ialah orang perempuan dan lawan lelaki. Manakala Norehan (2008), wanita juga adalah kaum isteri, ibu atau puteri yang mempunyai sifat lemah lembut dan paras rupa cantik. Bekerja pula didefinisikan sebagai melakukan atau menjalankan sesuatu atau berbagai-bagai kegiatan (usaha, tugas dan sebagainya) untuk menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan dan lain-lain) sesuatu.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong wanita untuk terlibat dalam dunia pekerjaan. Peningkatan kemajuan dan perkembangan ilmu dan teknologi tanpa sempadan telah melonjakkan bidang sektor tenaga kerja tanpa mengira status dan jantina. Penglibatan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara dapat dilihat dengan ketara. Hampir setiap sektor samada ekonomi, sosial, perundangan, pendidikan, politik, perubatan, keselamatan, pentadbiran, perdagangan dan sebagainya telah diceburi oleh kaum wanita. Tambahan lagi dasar kerajaan sejak tahun 2015 menekankan agar 30% penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam dan swasta. Situasi ini juga jelas dapat dilihat melalui statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2019 menunjukkan bahawa kadar penyertaan tenaga kerja wanita telah meningkat sebanyak 55.2% pada tahun 2019 berbanding 54.7% pada tahun 2018. Peningkatan ini juga adalah selari dengan peningkatan jumlah pendapatan mereka. Statistik mendedahkan anggaran jumlah pendapatan yang diperolehi wanita juga turut meningkat kepada RM35,508 pada tahun 2019 berbanding RM33,264 tahun sebelumnya. Selain itu, wanita telah mendominasi kaum lelaki bagi pencapaian dalam pendidikan di semua peringkat; rendah, menengah, tinggi dan profesional.

PS dan Cabaran Wanita Bekerjaya

Berikutan perubahan masa, cabaran dan peranan yang dimainkan oleh wanita bekerja juga berubah. Mereka bukan sahaja dilihat sebagai seorang ibu, tetapi juga sebagai seorang pekerja (Soidi & Sombuling, 2016). Zakaria (2020) menyenaraikan lima cabaran bagi wanita bekerja yang mana telah disimpulkan kepada beberapa senarai mengikut kesesuaian dengan konsep PS.

i- Tekanan Antara Tuntutan Tanggungjawab Keluarga Dan Tugas Kerjaya Serta Pengurusan Masa

Konflik keseimbangan antara keluarga dan kerjaya sering dialami terutamanya bagi mereka yang telah berumah tangga. Wanita yang bekerja banyak menghabiskan masa mereka dengan rutin harian yang sangat padat. Keadaan ini memerukakan mereka bangun seawal pagi bagi menguruskan anak dan keluarga. Mereka keluar bekerja dengan purata masa lapan hingga sepuluh jam sehari, balik ke rumah lewat petang atau awal malam dan terus menyambung tugas rumahtangga sebagai seorang isteri dan ibu. Keadaan ini telah menyebabkan badan akan menjadi terlalu penat, letih secara emosi dan fizikal serta penuh ketegangan.

Mengikut konsep PS, penyisihan ini adalah daripada segi kesihatan dan keselamatan personal (Labonte et al., 2011). Mereka akan menghadapi kekangan dari segi mendapatkan hak untuk penjagaan kesihatan diri sendiri yang bukan sahaja boleh menyebabkan mereka mendapat penyakit fizikal sahaja, tetapi kemurungan dan tekanan jiwa. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Nurul Naimah dan Mohd Yusri (2018) yang menyokong Mirowsky (2003) bahawa golongan yang mengalami tekanan (*stress*) lebih tinggi adalah wanita. Hal ini disebabkan oleh gaya hidup yang seringkali mendesak dan menekan mereka untuk menyeimbangkan tuntutan kerja dan kerjaya, yang telah menjadi penyebab utama kepada tekanan emosi mental dan fizikal. Lebih teruk lagi kesan ini ialah apabila berlaku pergolakan rumah tangga dan perceraian.

ii- Kehendak Sokongan dan Kemudahan Penjagaan Anak

Berikutan daripada tekanan berpanjangan dan ketidakupayaan untuk menyeimbangkan kehidupan keluarga dan kerjaya, wanita membuat pilihan untuk berhenti kerja. Menurut *New Straits Times* pada tahun 2017 melaporkan bahawa dapatan daripada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 2014 menunjukkan bahawa faktor utama yang menyebabkan wanita membuat keputusan untuk berhenti kerja adalah disebabkan oleh masalah penjagaan anak dengan mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 32.4 peratus. Walaubagaimanapun masih ramai yang bertahan dengan status pekerja dan dalam masa yang sama ada anak yang perlu diuruskan. Ini adalah kerana tuntutan hidup di dalam sosio ekonomi yang mencabar. Pun begitu, kos untuk menghantar anak-anak ke pusat penjagaan harian juga dikatakan agak mahal, lebih-lebih lagi bagi keluarga dari golongan B40 (Malaysiakini, 2019). Melalui tinjauan yang dibuat, kebanyakan pusat asuhan di sekitar Lembah Kelang mengenakan tidak kurang dari RM400 sebulan bagi seorang kanak-kanak. Begitu juga bagi yang dipinggir bandar dan kampung, kos juga naik walaupun tidak sebanyak RM400 sebulan. Harga yang tinggi tidak menjadi masalah bagi M40 dan T20 kerana mereka tidak mengalami PS atau tidak terlibat dengan ketidakupayaan untuk melibatkan diri di dalam pasaran pekerjaan yang berpendapatan tinggi bagi menampung keperluan asas atau kesempitan akses kepada peluang pendapatan (Gauthier et al., 2020).

iii- Kesaksamaan Gender dalam Sektor Pekerjaan

Isu diskriminasi dalam dunia pekerjaan juga dilihat sebagai salah satu isu ketidaksaksamaan gender terutama kepada golongan wanita. Wanita masih lagi berhadapan dengan tanggapan dan persepsi bahawa mereka tidak setanding dengan golongan lelaki. Ekoran itu, golongan lelaki pula dilihat ramai yang memegang jawatan tinggi dalam pekerjaan walaupun taraf pendidikan dan pengalaman kerja mereka adalah sama dengan golongan wanita (Abidin et al., 2016). Ini kerana majikan menganggap wanita sebagai kurang produktif, bermobiliti rendah dan menimbulkan banyak masalah kepada institusi tempat bekerja kerana kerap bercuti seperti cuti bersalin serta kurang keupayaan menjadi pemimpin (Darity & Mason, 1998). Sungguhpun arus modenisasi melingkari kehidupan sekarang, namun masalah jurang pendapatan antara jantina masih lagi wujud di negara membangun, mahupun negara maju

Satu laporan daripada Forum Ekonomi Dunia menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan 104 daripada 153 negara bagi Indeks Jurang Jantina Global 2020. Malaysia juga berada di kedudukan kesembilan mengatasi negara Myanmar dan Timor Leste bagi kedudukan di rantau Asia Tenggara. Hal ini berlaku disebabkan oleh jurang jantina yang besar dalam dua bidang iaitu pemerikasaan politik dan penyertaan ekonomi. Wanita masih berhadapan dengan situasi “*glass ceiling*” yang mengekang kemajuan kerjaya wanita secara halus. Tindakan diskriminasi tidak dimaktubkan dalam bentuk peraturan mahupun undang-undang. Tetapi aspek pelaksanaan untuk memberi ruang kepada wanita maju dalam kerjaya mereka dilihat sangat sukar.

Kajian Wanita dalam Pekerjaan di Malaysia menyatakan ketidakpuasan hati apabila keutamaan kepada kenaikan pangkat selalunya akan diberi keutamaan kepada kaum lelaki, dan wanita hanya mempunyai peluang sekiranya tiada calon lelaki yang layak (Zainudin, 2018). Ini adalah kerana kebanyakan pengurusan atas seperti ketua jabatan didominasi oleh lelaki yang cenderung untuk bekerja di kalangan mereka. Keadaan ini memperlihatkan wujudnya satu bentuk struktur dalam memberikan peluang kepada wanita untuk maju dalam kerjaya apabila lelaki didahulukan dalam setiap keputusan yang melibatkan kemajuan kerjaya wanita. Mereka juga menambah yang sikap penemuduga juga memainkan peranan. Mereka yang mengajukan

soalan yang berstruktur dan berbeza antara calon wanita dan lelaki. Ini jelas menunjukkan wujudnya diskriminasi. Malangnya, ada penemuduga yang turut mempersoalkan peranan reproduktif wanita sebagai ibu dalam membuat keputusan dan kenaikan pangkat yang memperlihatkan sokongan yang lemah terhadap kemajuan wanita. Kesannya antara lain akan mengakibatkan kaum wanita dalam sektor pekerjaan mengambil keputusan untuk keluar daripada sistem pekerjaan bagi mengelakkan diskriminasi terus diamalkan (Zainuddin, 2018).

Kesimpulan

Peranan sokongan sosial adalah sangat penting bagi membantu wanita yang bekerja untuk terus komited dalam tugas dan lebih sejahtera jasmani dan rohani. Memandang kepada pentingnya peranan dan sumbangan wanita untuk pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara, lebih-lebih lagi di pasca pandemik covid 19, isu PS yang dialami oleh kaum wanita perlu diberi keutamaan sebagaimana di negara-negara Eropah. Isu ini perlu dipandang serius kerana kegagalan mengatasi masalah ini bermakna makin payah bahkan berisiko akan gagal bagi matlamat membangunkan ekonomi negara. Dari perspektif Islam sendiri, wanita dibenarkan bekerja bagi membantu keperluan keluarga dan memberikan kepakaran dalam memantapkan ekonomi negara. Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan bahkan individu amat memainkan peranan penting sebagai sistem sokongan sosial. Begitu juga institusi pengurusan kewangan sosial Islam seperti wakaf dan zakat yang dapat membantu dari segi kewangan kerana masyarakat faham (Saufi et al., 2021) dan percaya (Saufi et al., 2021) akan sumbangan institusi-institusi ini untuk mengelakkan mereka dari PS. Justeru itu, wanita hari ini yang tampil dengan pelbagai kemahiran mampu mencapai kestabilan dan kecemerlangan dalam kerjaya dan keluarga (Naemah, Mohd. Ismail dan Bushrah, 2013).

Kerajaan juga melalui Kementerian Wanita dan Masyarakat boleh mempertimbangkan PS dalam membentuk dasar dan polisi serta perancangan apa-apa program yang berkaitan dengan kebajikan wanita. Organisasi korporat selain menyahut seruan kerajaan agar 30 peratus penglibatan pembuatan keputusan adalah daripada golongan wanita, mereka juga perlu mengurangkan atau menghapuskan terus faktor-faktor yang membawa kepada PS di kalangan pekerja wanita. Masyarakat dan orang awam perlu sama-sama memberikan sokongan kepada golongan yang tertindas ini. Di samping itu, kajian-kajian empirikal juga perlu dipertingkatkan lebih-lebih lagi di kalangan ahli akademik dan penyelidik sepertimana di Eropah. Dengan kerjasama semua pihak, keadilan dan kesaksamaan sosial dapat dicapai dan ekonomi negara akan lebih kukuh dan dapat dicapai.

Rujukan

- Abidin, N. Z., Ismail, R., Sulaiman, N. (2016). Pengasingan Pekerjaan dan Perbezaan Upah Jantina di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 50(1) 2016 53 - 66
<http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2016-5001-05>
- Darity W.A. & Manson P. L. 1998. Evidence on Discrimination in Employment: codes of color, codes of gender. <http://www.nd.edu/~pmason/paper/DarMason.html>: 1 – 10.
- Eurostat. (2014). At risk of poverty or social exclusion in the EU28 More than 120 million persons at risk of poverty or social exclusion in 2013 Almost 1 out of every 4 persons in the EU in this situation. Eurostat News Release 168/2014-4 November 2014.
- Figuroa, A. (2015). Growth, Employment, inequality and the Environment Unity of Knowledge in Economics Volume 1. New York: Palgrave Macmillan

- Gauthier, C., Shanahan, G., Daudigeos, T., Ranville, A. & Dey, P. 2020. Tackling economic exclusion through social business models: a typology. *International Review of Applied Economics*: 1-17.
- Ismail, S. (2017). Berhenti Kerja Fokus Pada Keluarga. *Berita Harian*, Oktober 31.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). <https://www.dosm.gov.my>
- Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), (2014). *Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga* Negara Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Baru. (1993). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus al-Jadid-Arab Melayu. (1993). Kuala Lumpur : Penerbitan Seri Kota Muc jam al-Wasit. 1978. Juz 1. Kaherah: T.P Appadorai Muhammad Qutb. t.t. al-Shubuhāt Hawl al-Islām. Qāhirah : Dār alSyurū
- Labonté, R., Hadi, A. and Kauffmann, X. (2011). Indicators of Social Exclusion and Inclusion: A Critical and Comparative Analysis of the Literature. PHIRN Working Papers. 2. 1Globalization and Health Equity Research Unit, Institute of Population Health, University of Ottawa
- LinkedIn Learning's.(2019). Workplace Learning Report: Key Findings
- Littlewood, P. 1999. *Social Exclusion in Europe: Problems and Paradigms*. Aldershot: Ashgate.
- Mirowsky, J., & Ross, C. E. (2003). *Social Causes of Psychological Distress*. USA: Walter de Gruyter
- Mohd Adib.I., Mohd Azim, A.M., Shahida, S. and Hakimi, S. (2020) *Pendefinisian penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi*. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54 (2). pp. 149-156. ISSN 0127-1962
- Musthapar, N. F. (2021). Peranan Wanita Dalam Pembangunan Institusi Keluarga: Cabaran Pandemik Covid 19. *Jurnal'Ulwan*, 6(2), 61-73.
- Naemah,H., Mohd. Ismail,M. and Bushrah,B. (2013) *Kemahiran yang diperlukan bagi wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini*. In: Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], 17-18 September 2013, The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization.
- Nizar, M. (2019) Yuran Taska: Mahal, Murah Tergantung Tauliah Pengasuh. *Malaysiakini.com* March 16.
- NorehanA., R. (2008). Masalah wanita bekerjaya lambat berkahwin dan penyelesaiannya dari sudut Islam: Kajian kes di Kementerian Pelajaran Malaysia Putrajaya, Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Percy-Smith, J. 2000. (Ed). *Policy Responses to Social Exclusion: Towards Inclusion?* Buckingham: Open University Press.
- Rose, Nurul Naimah, R. dan Mohd Yusri,M. (2018). Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerja: Khidmat Bantu Kaunseling menggunakan Konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus Solusi. *Asian Social Work Journal (ASWJ)*, Vol.3, Issue.1 (pp.28-34).
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Pengurusan Waqaf di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83-96.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf Di Malaysia. *International Journal Of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 50-60

- Siti Hajar, A.B., Noralina, O., Abd Hadi, Z and Haris, A.B., (2012) *Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: ke arah pembangunan ummah*. Jurnal Hadhari, 4 (2). pp. 29-44. ISSN 1985-6830
- Soidi, T. & Sombuling, A. (2016). Pengaruh Konflik Kerja dan Keluarga terhadap Kepuasan Keibubapaan dalam kalangan Ibu Bekerja. Southeast Asia Psychology Journal. 4.
- Zainuddin, A. (2018). Konsep mengurusperdanakan gender: Kajian wanita dalam pekerjaan di Malaysia. Journal of Administrative Science, 15(1), 1-10.
- Zakaria, N.A., (2020). Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya. Terengganu Strategic & Integrity Institute.
- Zakaria, . S. M. ., Sarnon, N. ., Omar, F. I. ., Hoesni, S. M. ., & Shafurdin, N. S. . (2018). Hubungan Antara Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi Wanita dwi-Peranan di Lembah Klang: Relationship between Role Conflict, Social Support and Emotional Wellbeing among Dual-Role Women in Lembah Klang. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS), 5(2), 77-88. Retrieved from <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/53>
- Zainuddin, A. (2018). Konsep mengurusperdanakan gender: Kajian wanita dalam pekerjaan di Malaysia. Journal of Administrative Science, 15(1), 1-10.